

MAJLIS ANUGERAH TAWARAN BAHARU GURU BESAR TAHUN 2013

18/04/2014

SHAH ALAM CONVENTION CENTER, SHAH ALAM, SELANGOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Yang dimuliakan,

Tuan Pengacara Majlis,

YBhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia Yang Berbahagia,

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran,

YBrs. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti,

Merangkap Urusetia Majlis Anugerah Tawaran Baharu Guru Besar .

Pengarah-Pengarah Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri,

Pegawai Pendidikan Daerah, para Guru Besar yang diraikan, dif-dif jemputan, serta para hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah S. W. T. kerana atas limpah kurnia dan inayah-Nya, kita berkumpul sekali lagi untuk tahun ke-empat penganugerahan Tawaran Baharu Guru Besar (TBGB) yang juga merupakan pusingan pertama bagi fasa kedua. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kemenjadian murid menjadi agenda utama Kementerian Pendidikan dalam menyediakan generasi yang bersedia untuk bersaing di peringkat global, mempunyai keistimewaan tersendiri serta bersahsiah tinggi. Anugerah Tawaran Baharu ini adalah merupakan salah satu indikator utama ke arah pembentukan modal insan holistik yang diharapkan mampu berhadapan dengan cabaran abad ke-21.

2. Dalam konteks menghasilkan modal insan cemerlang, saya amat berharap agar kita, sama ada sebagai pemimpin di peringkat kementerian mahupun di peringkat sekolah, mempunyai keinginan dan pemahaman yang dikongsi bersama sebagaimana yang dihasratkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Pembentukan modal insan atau dalam konteks kepimpinan Guru Besar, sangatlah penting kerana anak-anak pada peringkat 6 hingga 12 tahun merupakan tempoh waktu yang memerlukan bimbingan dan perhatian utama daripada guru-guru. Pendidikan di peringkat sekolah rendah merupakan asas untuk mereka membangunkan diri mereka seterusnya. Anak-anak ini perlu dibentuk sebaik-baiknya supaya mereka bersedia dari segi kecerdasan mental, kestabilan emosi, rohani dan jasmani bagi menempuh cabaran yang semakin hebat serta di luar jangkaan kita.

Datuk/Datin/Tuan/Puan,

3. Sukacita ingin saya tegaskan sekukuh mana pun perancangan yang telah digarap dalam pelan pendidikan ini, sekiranya tidak difahami dengan baik dan seterusnya dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh di semua peringkat Kementerian Pendidikan, matlamatnya tidak akan tercapai sebagaimana yang dihasratkan. Guru Besar, contohnya perlu menghayati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan menzahirkannya dalam pengurusan sekolahnya bagi memastikan “outcome” sekolah tercapai. Sebagai Gatekeeper of Changes, Guru Besar perlu bijak menguruskan segala sumber di bawah kawalan beliau dalam melaksanakan tugas-tugas mereka selaras dengan “immediate outcome” masing-masing. Contohilah kepimpinan Rasulullah s.a.w. yang juga disebut sebagai pemimpin yang mempunyai “moral authority” oleh John Adair dalam bukunya “The Leadership of Muhammad”. Baginda meletakkan para sahabatnya pada kedudukan yang betul mengikut kecekapan dan kemampuan masing-masing bagi memastikan tugas yang diberikan terlaksana dengan baik.

4. Keberkesanan pengurusan sesebuah sekolah itu sangat bergantung kepada kemampuan Guru Besar menangani segala cabaran dalam memastikan semua sumber di bawah kawalannya beroperasi dengan matlamat yang sama atau mempunyai “shared outcome” sejajar dengan keperluan dan persekitaran semasa, terutama hasrat rakyat dan aspirasi sistem pendidikan.

5. Justeru, penganugerahan TBGB ini direalisasikan tidak lain dan tidak bukan bertujuan ke arah mengiktiraf kepimpinan sekolah yang berkesan bagi menghasilkan “outcome” yang dihasratkan. Saya percaya pemimpin sekolah yang berada di majlis ini telah pun menunjukkan kejayaan awal dalam menghayatinya dan ini dibuktikan menerusi kejayaan mereka memperoleh pengiktirafan dalam TBGB pada hari ini.

6. Pencapaian Sub NKRA Pendidikan Tawaran Baharu Guru Besar bagi tahun penilaian 2013 ini adalah 7.31% daripada 7,746 buah sekolah rendah. Ini adalah melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu pada kadar 6%. Sebanyak 680 buah sekolah rendah telah dicalonkan dalam tiga kategori pencalonan iaitu 485 buah sekolah dalam kategori pertama, iaitu sekolah yang mencapai skor komposit sekurang-kurangnya 84%. 186 buah sekolah dalam kategori kedua, iaitu sekolah dalam lonjakan perdana yang melonjakkan kedudukan sekurang-kurangnya 2,050 daripada kedudukan tahun sebelumnya. Manakala 9 buah sekolah dalam kategori ketiga, iaitu sekolah berenrolmen besar dengan mempunyai enrolmen melebihi 1,000, yang perlu melonjak sebanyak 1,250 daripada kedudukan tahun sebelumnya.

7. Semua sekolah ini telah diverifikasi oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti pada 22 Januari hingga 21 Februari 2014. Sebanyak 566 (7.31%) buah sekolah dan 622 Guru Besar serta 8 orang Guru Penolong Kanan telah melepasi semua saringan termasuk memperoleh sijil audit tanpa teguran serta tiada kes tatatertib. Daripada jumlah berkenaan, 414 buah sekolah adalah dalam pencalonan kategori pertama, 145 buah sekolah dalam kategori kedua, manakala 7 buah sekolah pula dalam kategori ketiga.

8. Daripada 566 buah sekolah ini, 209 (36.93%) ialah sekolah bandar, 302 (53.35%) sekolah luar bandar dan 55 (9.72%) adalah sekolah pedalaman. Ini menunjukkan peningkatan berbanding pencapaian bagi tahun 2012 iaitu sebanyak 180 sekolah bandar dan 280 sekolah luar bandar telah menerima anugerah ini. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina [SJK(C)] yang menerima anugerah ini juga telah meningkat daripada 54 buah sekolah kepada 74 buah sekolah,

dan begitu juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil [SJK(T)] di mana berlaku peningkatan penerima anugerah daripada 45 buah sekolah kepada 54 buah sekolah. Daripada keseluruhan penerima anugerah ini, 119 buah sekolah telah menerima anugerah ini sebanyak empat kali berturut-turut. Saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan dengan kejayaan satu-satunya Sekolah Kebangsaan Orang Asli iaitu Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Pekan, Pahang yang dicalonkan pada tahun ini, dan seterusnya berjaya menerima anugerah Tawaran Baharu Guru Besar tahun 2013. Tahniah diucapkan. Saya berharap kejayaan Sekolah Kebangsaan Tasik Chini, Pekan, Pahang ini dapat mendorong serta menjadi pencetus semangat kepada semua Guru Besar di Sekolah Kebangsaan Orang Asli yang lain. Perkara ini amat membanggakan kita semua kerana kali terakhir Sekolah Kebangsaan Orang Asli dicalonkan untuk Anugerah Tawaran Baharu Guru Besar ialah pada tahun 2011.

9. Saya juga ingin memaklumkan bahawa sejumlah RM23,163, 800.00 telah diagih sebagai ganjaran bagi penganugerahan ini. Dijangkakan hampir 22, 063 orang warga sekolah, yang terdiri daripada Guru Besar, Guru-guru serta Anggota Kumpulan Pelaksana akan mendapat manfaat daripada ganjaran ini. Mulai pada tahun ini juga, pembayaran ganjaran Anugerah Tawaran Baharu Guru Besar akan diperluas kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Pegawai Perkhidmatan Negeri yang berkhidmat di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya kaedah pembayaran Bayaran Insentif Tawaran Baharu (BITB) akan dibayar pada kadar maksimum kepada Guru Besar yang berkhidmat genap 12 bulan di sekolah yang berjaya, manakala Guru Besar yang berkhidmat kurang dari tempoh tersebut dibayar secara prorata .

Datuk/Datin/Tuan/Puan, Sekalian

10. Sesungguhnya kejayaan ini melambangkan kebolehan tuan-tuan dan puan-puan memberi inspirasi kepada warga sekolah masing-masing. Kerjasama yang mantap dan cemerlang semua warga sekolah tuan-tuan dan puan-puan telah membuahkan hasil. Bagi pihak Kementerian Pendidikan, saya mengharapkan agar kejayaan ini akan menyuntik semangat dalam diri tuan-tuan dan puan-puan supaya melipatgandakan usaha untuk memperkukuh dan meningkatkan lagi kecemerlangan sekolah masing-masing. Pada masa yang sama, saya juga mengharapkan supaya semua Guru Besar, guru dan Anggota Kumpulan Pelaksana di sekolah yang tidak menerima anugerah ini, melihat kejayaan di sekolah-sekolah yang telah berjaya ini sebagai pendorong utama untuk menjana pasukan kerja yang mantap dan mengatur strategi untuk berusaha mencapai kecemerlangan yang sama ataupun yang lebih baik.

11. Terima kasih juga kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganugerahan Tawaran Baharu ini terutamanya kepada Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) selaku urus setia Tawaran Baharu yang juga telah melaksanakan verifikasi serta penilaian ke atas sekolah yang layak untuk dipertimbangkan bagi menerima ganjaran. Tidak dilupakan juga kepada Bahagian Kementerian Pendidikan yang lain seperti Bahagian Audit Sekolah yang bertanggungjawab untuk melaksanakan audit dan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia yang membantu dalam menyemak prestasi calon.

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua Guru Besar, Guru Penolong Kanan, Guru, Pegawai Perkhidmatan Awam

Persekutuan dan Pegawai Perkhidmatan Negeri serta Anggota Kumpulan Pelaksana yang berjaya menerima Anugerah Tawaran Baharu Guru Besar bagi Tahun 2013.

Semoga penganugerahan ini benar-benar bermakna serta memberi impak sebagaimana yang kita semua harapkan. Sekian. Wabilahhi taufiq walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.